

# KESUMBA adakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-20

NSR 18.7.17 4

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-20 di Galeri Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan Prof. Dr. Arsiah Bahron menyaksikan seramai 170 ahli hadir dan beberapa kakitangan wanita UMS turut mendaftar sebagai ahli baharu.

Majlis perasmianya disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Ismail Ali mewakili Naib Canselor, Prof. Dr. D. Kamarudin D. Mudin.

Dalam teks ucapannya, Prof. Dr. D. Kamarudin merakamkan ucapan penghargaan kepada mantan Naib Canselor

UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah atas sumbangan sebagai Penasihat KESUMBA selama 5 tahun dan isteri, Datin Baidah Ibrahim selaku mantan Yang Dipertua KESUMBA.

“Saya berharap agar melalui pimpinan Yang Dipertua dan barisan Jawatankuasa KESUMBA yang baharu, kelab ini akan terus maju ke hadapan dengan mengekalkan momentum yang ada sekali gus meningkatkan imej dan nama baik universiti melalui hubungan kerjasama serta penganjuran aktiviti yang memberi manfaat kepada semua ahli,” katanya.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah isteri Naib Canselor merangkap Yang Dipertua KESUMBA yang baharu, Roha Asmara; Ketua Pustakawan, Dayang Rukiah Ag. Amit dan Bendahari UMS, Zallifah Shadan.



PENGHARGAAN ... Roha (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang mantan exco KESUMBA.



ABADIKAN KENANGAN ... Roha dan Dr. Ismail merakamkan gambar kenangan bersama ahli-ahli KESUMBA.